

**Students' preferences for lecturers' personalities: A study among University  
Malaysia Sabah (UMS) students**

**ABSTRACT**

Kertas ini melaporkan dapatan kajian mengenai kecenderungan minat pelajar terhadap personaliti pensyarah. Kajian survei ini melibatkan seramai 235 pelajar Universiti Malaysia Sabah dan menggunakan soal selidik kecenderungan minat terhadap personaliti guru yang dibangunkan oleh Furnham (2003). Alat ukuran ini telah diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia dan disesuaikan mengikut konteks lokal. Responden diminta untuk memberi markah berdasarkan ciri-ciri personaliti (30 tret) pensyarah mereka. Hasil kajian mendapatio pelajar cenderung untuk menyukai pensyarah yang mempunyai tret ketelitian, terbuka dan kesetujuan tinggi tetapi bukan pensyarah yang neurotik. Keputusan juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara jantina dalam beberapa domain dan sub-domain personaliti pensyarah. Implikasi penggunaan personaliti dan ujian psikologi dalam merekrut dan memilih guru dan pensyarah dibincangkan